

Kualiti Al Biruni terus meningkat

BANGI (21 Mac) - Bilangan mahasiswa Kelab Al Boruni yang memperolehi CGPA kelas pertama pada semester pertama 2005/2006 adalah seramai 334 orang berbanding semester yang sdama pada sesi sebelumnya seramai 288 orang.

Lebih membanggakan seramai 59 orang daripadanya adalah pelajar tahun akhir. Didapati, Fakulti Ekologi Manusia mencatat jumlah mahasiswa paling ramai iaitu 53 orang. Bachelor Sains Komputer pula mencatat bidang pengajian paling cemerlang iaiatu seramai 40 orang.

Inilah berita baik yang perlu dijadikan 'role model' sebagai aspirasi wawasan negara yang berjaya dilahirkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diraikan dalam Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran Mahasiswa Cemerlang, pada semester 1 sesi 2005/06 dianjurkan oleh Kelab Al-Biruni, UPM, bertempat Ballroom Rafflesia, (ESSET), dekat sini.

Majlis kali kelima ini dirasmikan Prof. Madya Dr. Azali bin Mohamed,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dengan tujuan untuk meraikan mahasiswa cemerlang khususnya mahasiswa Melayu Bumiputra yang mendapat Purata Nilaiian Gred Keseluruhan (PNGK) 3.75 dan ke atas.

Diharapkan bahawa program ini akan menjadi satu wadah yang mencetuskan semangat kepada mahasiswa UPM untuk mengekalkan kecemerlangan sedia ada dan meningkatkannya dari semasa ke semasa.

"Melalui program yang diadakan kali ini, dapat melihat bahawa mahasiswa pada hari ini mampu untuk memcapai kejayaan dengan cemerlang dari segi akademik dan ko-kurikulum. Malah juga cemerlang dari segi sahsiah dan penampilan diri sendiri yang diadakan sejajar dengan hasrat Bahagian Hal Ehwal Mahasiswa UPM yang menitikberatkan kecemerlang akademik, pembangunan sahsiah dan kebajikan mahasiswa," ucap Dr. Azali bin Mohamed sebelum menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah kepada penerima kecemerlangan Al Biruni.